

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 10 SEPTEMBER 2022  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 19

## 620,700 tiada kerja pada Julai

### 620,700 tiada kerja pada Julai

**Kuala Lumpur:** Pasaran buruh Malaysia bertambah kukuh pada Julai dengan kadar pengangguran mencatat 3.7 peratus iaitu menghampiri paras prapandemik, berdasarkan penerbitan Statistik Tenaga Buruh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, pencapaian itu jauh lebih baik berbanding 4.5 peratus yang dicatatkan pada 2021 dan 4.2 peratus pada Januari 2022.

Bilangan penganggur terus menurun kepada 620,700 orang pada Julai 2022 berbanding 630,600 orang pada bulan sebelumnya.

Manakala bilangan penduduk bekerja pada Julai 2022 mencatatkan pertumbuhan positif 0.3 peratus kepada 15.98 juta orang.

“Mengikut sektor ekonomi, bilangan penduduk bekerja dalam sektor perkhidmatan semakin meningkat, terutamanya dalam aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman, perdagangan borong dan runcit serta aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan.

“Guna tenaga sektor pembuatan dan pembinaan turut menunjukkan peningkatan, kecuali bagi sektor pertanian, perlombongan dan pengkuarian yang mencatatkan penurunan dalam guna tenaga,” katanya.

Mustapa berkata, kedudukan tenaga buruh pada Julai 2022 bertambah baik berikutan peningkatan berterusan dalam bilangan te-



**Guna tenaga dalam sektor pembuatan dan pembinaan turut menunjukkan peningkatan, kecuali bagi sektor pertanian, perlombongan dan pengkuarian yang mencatatkan penurunan dalam guna tenaga”**

**Mustapa Mohamed**

naga buruh 0.2 peratus bulan ke bulan yang merekodkan 16.60 juta orang.

Justeru, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) lebih tinggi direkodkan pada bulan iaitu pada kadar 69.6 peratus.

Mustapa berkata, pencapaian pasaran buruh yang lebih kukuh itu disokong oleh kedudukan ekonomi yang bertambah baik bagi suku kedua 2022 dengan pertumbuhan ekonomi yang semakin kukuh pada kadar 8.9 peratus.